

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, July 18, 2018 1:21 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kunjungan Wakil CIMB Bank Ke UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

18 JULAI 2018 / 5 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: SEFB

KUNJUNGAN WAKIL CIMB BANK KE UUM



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima kunjungan tiga wakil daripada CIMB Bank baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada Ketua Bersama dan Pengarah Urusan, Kumpulan Perbankan Kanan, Zainul Hashim; Pengarah Urusan Perhubungan Kerajaan; Rosman Nordin dan Ketua Jabatan, Keptanggungjawaban Korporat, Soon Le Meng.

Kunjungan delegasi itu ke UUM ini adalah bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama Kursi CIMB (JMC) yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim.

Ketibaan mereka disambut Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Prof. Madya Dr. Aznor Hj Ahmad dan Penyelaras Profesor Kursi CIMB, Dr. Shamsul Bahrain Mohamed Arshad di Anjung Tamu yang menjadi gerbang informasi kepada tetamu universiti bagi mendapatkan maklumat umum mengenai UUM.

Mereka kemudiannya dibawa melawat pokok 3 beradik dan sekitar UUM dengan menaiki tram, seterusnya ke Trading Room dan diberi taklimat oleh Encik Afiruddin Tapa serta lawatan di sekitar SEFB dan Research Centre yang menempatkan Profesor Kursi CIMB di Bangunan Ekonomi.

Dalam mesyuarat yang diadakan, wakil CIMB memuji UUM yang mempunyai kampus yang terbaik dan berharap kerjasama yang sedia ada dapat memberi manfaat kepada CIMB dan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.